SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN RASMI

LANJUTAN TARIKH AKHIR PENDAFTARAN PEMILIH BAGI PILIHAN RAYA PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy) 2026

1. Sekretariat Parlimen Belia Malaysia (PBMy) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pendaftaran pemilih bagi Pilihan Raya PBMy 2026 yang sebelum ini ditetapkan pada 26 Oktober 2026 (Isnin) telah **dilanjutkan kepada 28 Oktober 2026 (Rabu).**

2. Lanjutan tempoh ini bertujuan memberikan peluang tambahan kepada lebih ramai belia yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih, sekali gus menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam proses demokrasi berparlimen melalui platform PBMy.

3. Sehubungan itu, semua warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 30 tahun yang layak dan masih belum berdaftar **diseru untuk melengkapkan pendaftaran melalui aplikasi ePBMy bersekali dengan aplikasi MyDigital ID** sebelum tarikh akhir yang ditetapkan. Pemilih juga diingatkan supaya memastikan maklumat peribadi dan pengesahan akaun ePBMy telah dilengkapkan bagi melancarkan proses pengundian.

4. Sekretariat PBMy turut mengingatkan bahawa pengundian bagi Pilihan Raya PBMy 2026 akan berlangsung pada 1 hingga 2 November 2026 secara dalam talian melalui aplikasi ePBMy. Penyertaan belia dalam pilihan raya ini merupakan sebahagian daripada usaha memperkukuh kefahaman, pengalaman dan penghayatan terhadap amalan demokrasi berparlimen.

SEKRETARIAT PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBMy)
PARLIMEN MALAYSIA
21 Oktober 2026